

208 penduduk Kampung Sungai Sireh dipindah ke balai raya

Tak sempat selamat barangan

Oleh **MOHD. AINUDDIN**
ALIFF SALEHUDEN
kota@utusan.com.my

TANJONG KARANG 1 Dis. – Meskipun masih berpantang selepas melahirkan anak pertamanya pada 5 November lalu, **Noor Azizah Mohd. Tugi**, 23, perlu menempuh cabaran getir berikutan Kampung Sungai Sireh di sini dilanda banjir sehingga menyebabkan 208 penduduk terpaksa dipindahkan.

Dia yang kini ditempatkan di pusat penempatan sementara di balai raya kampung itu bagaimana-pun tetap bersyukur kerana keperluan asas untuk bayi lelakinya itu sempat diselamatkan daripada rosak akibat bencana alam tersebut.

“Walaupun bersedih, saya tetap bersyukur kerana hanya peti sejuk dan mesin basuh yang rosak akibat banjir. Barang berharga lain sempat diselamatkan.

“Malah, saya juga gembira dengan kemudahan di penempatan sementara ini yang bersih dan selesa selain layanan baik yang diberikan petugas yang ditugaskan di sini,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Seorang lagi mangsa yang ditemui, **Misnan Paiman**, 52, berkata, dia terkilan apabila mendapati tilam kesihatan yang dibelinya pada har-

ga lebih RM1,000 rosak teruk kerana tidak sempat diselamatkan dalam kejadian tersebut.

“Saya dan isteri baru bangun dari tidur untuk solat subuh pada pagi Selasa lalu dan menyedari rumah kami telah dimasuki air. Selepas diperiksa, saya mendapati tilam kesihatan yang dibeli beberapa tahun lalu telah rosak dibasahi air banjir.

“Bukan itu saja, katil, almari serta set dapur saya juga rosak teruk kerana dimasuki air,” katanya yang menggunakan rakit batang pokok pisang buatannya untuk keluar dari kawasan rumahnya yang teruk dinaiki air.

Seorang suri rumah, **Juhriah Tosan (gambar)**, 21, berkata, ketika menye-

dari rumahnya dinaiki air, dia dan suaminya bersama anak mereka berusia lapan bulan ketika itu sedang nyenyak tidur.

“Akibat banjir itu, perabot serta barang elektrik milik kami rosak teruk kerana tidak sempat diselamatkan.

“Saya berharap keadaan banjir ini akan surut segera supaya kami sekeluarga boleh kembali ke rumah selain memastikan bayi kami ini tinggal dalam keadaan selesa,” katanya yang kini berlindung di penempatan sementara di Sawah Sempadan di sini.



SEORANG penduduk, Mohd. Nazri Jumuri terpaksa mengangkut buah kelapa sawit yang telah dipetik menggunakan sampan setelah Kampung Sungai Sireh di Tanjung Karang mengalami banjir semalam. – UTUSAN/ SAHARUDDIN ABDULLAH